

Syarat-Syarat Pembelian Am

1. Skop; persetujuan kontrak

1.1 Syarat-syarat Pembelian ini hendaklah terpakai kepada penghantaran dan perkhidmatan oleh Pembekal, kecuali dipersetujui sebaliknya. Terma-terma and syarat-syarat am lain, khususnya syarat-syarat and terma-terma biasa Pembekal, tidak akan mengikat Pelanggan walaupun mereka tidak dibantah secara nyata dalam kes individu atau jika barang-barang/perkhidmatan yang dipesan telah diterima tanpa syarat.

1.2 Pesanan-pesanan dan penyetujuterimaannya hendaklah dibuat secara bertulis. Penerimaan pesanan harus diperakui pada borang yang dimaksudkan untuk tujuan ini di atas pesanan tersebut, kecuali dipersetujui sebaliknya.

1.3 Perjanjian lisan, dalam apa jua bentuk, adalah tidak sah melainkan dinyatakan secara bertulis oleh Pelanggan. Pengesahan bertulis juga termasuk pengesahan yang dihantar melalui pemindahan data atau faks.

1.4 Jika Pembekal tidak menyetujuterima pesanan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh penerimaan mereka, Pelanggan berhak untuk membatalkan pesanan mereka tanpa sebarang kos/penalti/pampasan.

2. Penghantaran; akibat kegagalan untuk memenuhi masa penghantaran

2.1 Masa penghantaran yang dipersetujui adalah mengikat. Pelanggan akan diberitahu dengan segera tentang sebarang keadaan yang menghalang masa penghantaran daripada dipenuhi atau kelewatan penghantaran. Masa barang itu diterima atau perkhidmatan itu dilengkapkan di premis Pelanggan atau di tempat dimana ianya harus dihantarkan/dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan dalam pesanan itu ("Tempat Perlaksanaan") akan menentukan sama ada masa penghantaran telah dipenuhi.

2.2 Penghantaran separa memerlukan persetujuan secara bertulis daripada Pelanggan terdahulu.

2.3 Pembekal adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa barang-barang yang telah dibekalkan atau alat ganti untuknya boleh dibekalkan kepada Pelanggan di atas terma-terma dan syarat-syarat yang munasabah untuk tempoh 15 tahun selepas penghantaran terakhir untuk barang-barang atau alat-alat ganti tersebut. Jika Pembekal berniat untuk tidak meneruskan pembekalan barang-barang atau alat ganti tersebut dalam tempoh masa tersebut atau selepas tempoh masa tersebut tamat tempohnya, ia hendaklah memaklumkan Pelanggan dengan serta-merta secara bertulis dan memberikan Pelanggan peluang untuk membuat pesanan terakhir.

2.4 Jika masa penghantaran/perlaksanaan yang dipersetujui tidak dipatuhi oleh Pembekal, Pelanggan boleh menuntut satu amaun

pada kadar 0.5% ke atas nilai pesanan secara mingguan bermula dari tamat tempoh masa penghantaran/perlaksanaan yang dipersetujui, tetapi tertakluk kepada maksima 5% jumlah nilai pesanan secara sekaligus tanpa memberi bukti tentang kerosakan atau kerugian, melainkan dipersetujui sebaliknya. Di samping itu, Pelanggan berhak untuk menuntut hak-hak berkanun. Penerimaan penghantaran atau perkhidmatan yang lewat tidak membentuk sebarang penepian/pelepasan pampasan. Pembekal kekal bertanggungjawab untuk membayar amaun di atas walaupun tiada syarat eksplisit dinyatakan apabila barang atau perkhidmatan diterima.

3. Harga; syarat pembayaran; pemindahan Risiko

3.1 Harga yang dinyatakan dalam pesanan adalah mengikat. Kecuali dipersetujui sebaliknya, harga adalah dibayar di tempat penghantaran yang dinyatakan (DAP) mengikut Incoterms 2010, termasuk pembungkusan. Harga yang dinyatakan tidak termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST").

3.2 Invois-invois hanya boleh diproses jika – selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam pesanan itu – ia menyatakan nombor pesanan yang dinyatakan dalam pesanan tersebut dan semua maklumat rujukan yang lain; Pembekal hendaklah bertanggungjawab ke atas semua akibat kegagalan untuk mematuhi syarat ini, melainkan ia membuktikan bahawa ia tidak dipersalahkan untuk kegagalan tersebut.

3.3 Kecuali dipersetujui sebaliknya dan tertakluk kepada hak Pelanggan untuk menahan bayaran di bawah Seksyen 7, invois-invois hendaklah dibayar dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari tarikh tuntutan untuk bayaran yang belum selesai dengan syarat bahawa Pelanggan telah menerima invois yang disediakan menurut Seksyen 3.2 di atas dan telah menerima barangan/perlaksanaan perkhidmatan. Sekiranya invois dibayar dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh tuntutan untuk bayaran dan penerimaan invois dan penyetujuterimaan barangan/perlaksanaan perkhidmatan, Pelanggan adalah berhak kepada diskaun tunai sebanyak 3% daripada jumlah nilai invois-invois.

3.4 Pembekal hendaklah menanggung risiko kerugian dan kemerosotan barangan sehingga mereka telah dipersetujuterima oleh Pelanggan atau ejennya yang diberi kuasa dengan sewajarnya mengeluarkan suatu perakuan penyetujuterimaan rasmi di tempat di mana barangan itu dihantarkan seperti yang diarahkan.

3.5 Pembekal bersetuju bahawa Pelanggan berhak membuat potongan atau menahan sebarang bayaran yang belum diselesaikan dan kena dibayar kepada Pembekal di bawah Syarat-Syarat Pembelian ini, jika dikehendaki oleh undang-undang bagi tujuan cukai tahanan.

4. Penerimaan

4.1 Dalam kes kontrak pembekalan kerja atau pelaksanaan kerja, ujian penyetujuan penerimaan penghantaran dan/atau perkhidmatan atau sebahagian daripadanya adalah penting. Sekiranya pembekalan kerja atau pelaksanaan kerja memerlukan pentauliahan, ujian penyetujuan penerimaan itu hendaklah dilaksanakan selepas pentauliahan berjaya. Ujian penyetujuan penerimaan hendaklah dijalankan di tempat pilihan Pelanggan atau di premis Pembekal atau di tempat penghantaran.

4.2 penyetujuan penerimaan hendaklah diberi oleh Pelanggan dengan mengeluarkan suatu perakuan penyetujuan penerimaan rasmi, kecuali dipersetujui sebaliknya. Bayaran tanpa syarat tidak membentuk penyetujuan penerimaan atau kelulusan penghantaran, ia juga tidak membentuk sebarang penepian/pelepasan tuntutan untuk kecacatan.

4.3 Jika pemeriksaan rasmi atau ujian penyetujuan penerimaan penghantaran dan/atau perkhidmatan atau sebahagian daripadanya telah ditetapkan, pemeriksaan atau ujian penyetujuan penerimaan itu hendaklah dijalankan di premis Pembekal, kecuali dipersetujui sebaliknya.

4.4 Kos-kos ujian penyetujuan penerimaan hendaklah ditanggung oleh Pembekal.

5. Penghantaran

5.1 Pemberitahuan penghantaran barangan hendaklah diberi tidak lewat daripada masa barangan meninggalkan kilang/gudang Pembekal. Alamat penghantaran dan nombor pesanan Pelanggan, termasuk nombor item itu, hendaklah dipaparkan pada semua notis penghantaran, bil-bil muatan dan label bungkusan. Konsainmen di mana Pelanggan adalah dikehendaki untuk menanggung semua atau sebahagian kos fret harus diangkut pada kadar fret yang terendah atau mengikut arahan penghantaran Pelanggan. Arahan perkapalan, khususnya tempat di mana barang-barang hendaklah diserahkan, yang juga merupakan Tempat Pelaksanaan, hendaklah dinyatakan dalam pesanan.

5.2 Pembekal hendaklah memasihkan kargo telah disekuritkan oleh pengangkut yang mengumpulkannya untuk mengelakkan kerosakkan dalam transit atas sebab kargo itu tidak disekuritkan dengan cukup atau tidak sama sekali.

6. Pembungkusan

6.1 Pembekal mengaku janji untuk menghantar barang-barang yang telah dibuat atau diproses olehnya hanya dalam bungkusan yang mesra alam dari segi jenis, bentuk dan saiz dan mematuhi versi terbaharu rasmi atau peraturan-peraturan pembungkusan barangan lain yang berkenaan.

6.2 Tanpa mengira sama ada bungkusan berkenaan itu dengan pembungkusan pengangkutan, pembungkusan runcit atau pembalut perlindungan luar, Pembekal bersetuju untuk mengambilnya balik selepas ianya digunakan tanpa sebarang caj tambahan kepada Pelanggan dan menggunakan semula atau kitar semula pembungkusan itu. Pelanggan mengaku janji untuk mengendalikan sebarang pembungkusan yang boleh diguna semula yang dikenal pasti olehnya dengan wajar dan menawarkan kepada Pembekal secara percuma dalam keadaan yang munasabah terbaik.

7. Notis kecacatan

Pelanggan hendaklah berusaha untuk memeriksa penghantaran yang baru untuk kuantiti yang betul, kerosakkan dalam transit dan kecacatan jelas, sejauh mana dan secepat mungkin suai manfaat dalam perjalanan urusan biasa. Pelanggan berhak untuk tidak menyetujui barangan atau kerja, menahan pembayaran invoice dan memberitahu Pembekal tentang kecacatan sebaik sahaja kecacatan ditemui. Dalam hal ini, Pembekal mengetepikan hujah menerima notis kecacatan lewat. Pelanggan tidak mempunyai obligasi untuk memulangkan barang cacat atau kerja-kerja cacat (jika berkenaan) kepada Pembekal.

8. Liabiliti bagi kecacatan

8.1 Pembekal waran kepada Pelanggan bahawa barang-barang atau perkhidmatan yang dipesan adalah bebas daripada kecacatan.

8.2 Jika Pelanggan memberitahu Pembekal tentang kegunaan yang diniatkan dan Tempat Pelaksanaan, Pembekal waran bahawa penghantaran dan perkhidmatannya adalah sesuai untuk kegunaan dan tempat tersebut.

8.3 Jika wujudnya kecacatan pada barang tersebut, Pelanggan berhak untuk menolak barang itu dan ia juga berhak untuk memilih (a) untuk menubuhkan terhadap Pembekal pelanggaran waranti dalam pengurangan atau kepupusan harga; atau (b) menyaman Pembekal bagi ganti rugi ke atas pelanggaran waranti, kecuali dipersetujui sebaliknya. Hakikat bahawa Pelanggan memilih untuk menubuhkan suatu pelanggaran waranti dalam pengurangan harga tidak menghalang ia daripada membawa guaman bagi pelanggaran waranti yang sama jika Pelanggan telah mengalami kerosakan yang lebih teruk. Pembekal bersetuju bahawa Pelanggan adalah berhak untuk memilih mengikut budi bicaranya semata-mata (tetapi tidak diwajibkan) untuk menolak apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah invoice ke arah pengurangan yang dinyatakan di atas atau kepupusan harga atau ganti rugi.

8.4 Tanpa prejudis hak Pelanggan untuk memilih remedi di atas, jika Pembekal tidak mengambil tindakan pemuliharaan, iaitu membetulkan kecacatan atau menghantarkan gantian, sebaik sahaja ianya diminta berbuat demikian oleh Pelanggan, Pelanggan berhak dalam kes-kes mustahak, khususnya untuk mengelakkan bahaya atau mengelakkan/mengehadkan kerosakan, untuk mengambil tindakan pemuliharaan, atau biarkan pihak ketiga mengambil tindakan pemuliharaan, atas perbelanjaan Pembekal. Pelanggan mempunyai hak yang sama jika pembetulan kecacatan atau penghantaran gantian adalah gagal atau ditolak. Pembekal bersetuju bahawa Pelanggan adalah berhak untuk memilih mengikut budi bicara mutlaknyanya (tetapi tidak diwajibkan) untuk menolak apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah invoice untuk membayar perbelanjaan tersebut.

8.5 Jika tuntutan ditegaskan terhadap Pelanggan bagi pelanggaran hak pihak ketiga berkaitan dengan kecacatan pada barang atau kerja, Pembekal harus menanggung rugi Pelanggan terhadap tuntutan-tuntutan tersebut atas tuntutan bertulis yang pertama. Obligasi Pembekal untuk menanggung rugi Pelanggan adalah berhubung dengan semua perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Pelanggan daripada atau berkaitan dengan tuntutan yang ditegaskan terhadapnya oleh pihak ketiga. Pembekal bersetuju bahawa Pelanggan

adalah berhak untuk memilih mengikut budi bicaranya mutlakny (tetapi tidak diwajibkan) untuk menolak apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah invoice untuk membayar tuntutan yang dinyatakan di atas.

8.6 Tuntutan ke atas kecacatan akan dihadkan masa - kecuali dalam kes-kes berniat perdaya - dalam 6 tahun bermula dari pemin-dahan risiko, kecuali dipersetujui sebaliknya. Jika Pembekal memen- uhi obligasinya untuk membetulkan kecacatan dengan membekalkan barangan ganti, tempoh had masa untuk barangan berkenaan akan bermula semula selepas mereka telah dihantarkan.

8.7 Jika dalam usaha untuk membetulkan kecacatan, kos pen- galihan dan pemasangan adalah terlibat, Pembekal mengaku janji un- tuk menanggung kos itu dan juga kos pengangkutan untuk menghantarkan bahagian gantian ke dan dari tempat penggunaan dalam kes-kes di mana Pembekal adalah wajib untuk memasang ba- hagian yang dihantarkan dalam skop tanggungjawab penghantaran asalnya atau jika kecacatan itu disebabkan oleh Pembekal. Pembekal, jika difikirkannya patut, harus mengambil insurans liabiliti khas untuk kos-kos pemasangan, pengalihan dan pengangkutan ke dan dari tempat penggunaan dengan perlindungan sekurang- kurangnya €250,000.00 bagi setiap kes.

9. Liabiliti untuk ketidaksempurnaan dalam Hakmilik

9.1 Pembekal waran kepada Pelanggan bahawa barang- barang atau perkhidmatan yang dipesan adalah bebas daripada ketidaksempurnaan dalam hakmilik dari segi undang-undang pada masa pemindahan risiko.

9.2 Sekiranya hak Pembekal untuk menjual barang-barang ada- lah terbatal atau boleh dibatalkan, Pembekal berjanji untuk membayar dan membuat baik kepada Pelanggan semua dan setiap apa jua ke- rugian dan kerosakan yang ditanggung atau yang dialami oleh Pelanggan akibat hak Pembekal yang terbatal atau boleh batal untuk menjual dan untuk menanggung rugi Pelanggan daripada dan ter- hadap semua tindakan tuntutan liabiliti kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh pihak ketiga.

10. Remedi pembekal

10.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Seksy- en ini, jika berlakunya keingkaran dalam pembayaran oleh Pelanggan, pihak-pihak bersetuju bahawa Pembekal adalah berhak untuk melaksanakan apa-apa (tetapi bukan semua) remedi seperti berikut:

- suatu lien ke atas barang itu untuk harga yang dipersetujui jika Pembekal masih memiliki barangan tersebut; atau
- dalam kes ketidaksolvenan pembeli, hak untuk menghenti- kan barangan dalam transit selepas Pembekal telah berpisah dengan milikan barangan itu; atau
- hak untuk menjual semula dengan syarat bahawa notis menjual semula diberikan kepada Pelanggan terdahulu.

10.2 Pembekal secara nyata mengetepikan haknya terhadap lien jika (i) Pelanggan mendapat milikan barang itu secara sah; atau (ii) ba- rang itu berada dalam milikan pihak ketiga berikutan jualan oleh Pelanggan; atau (iii) Pembekal telah membuat penghantaran seba- hagian daripada barang itu, ia tidak akan menjalankan hak lien ke atas barang-barang yang telah dihantar dan barang-barang baki.

10.3 Sekiranya Pembekal memilih untuk melaksanakan hak un- tuk menghentikan barangan dalam transit selepas Pembekal telah berpisah dengan milikan mereka, Pembekal beraku janji untuk me- nanggung rugi Pelanggan ke atas sebarang kerugian yang disebab- kan oleh penghentian itu jika Pelanggan membuktikan bahawa ia adalah solven pada masa yang material.

10.4 Sekiranya Pembekal memilih untuk melaksanakan haknya untuk menjual semula barangan itu, harga (a) jika telah dibayar oleh Pelanggan kepada Pembekal, perlu dipulangkan kepada Pelanggan dengan sepenuhnya; atau (b) jika terhutang dan kena dibayar, tidak boleh dituntut oleh Pembekal.

11. Perisian

11.1 Pelanggan diberikan lesen untuk menggunakan perisian yang merupakan sebahagian daripada skop pehantaran, termasuk dokumentasi untuknya, dengan ciri-ciri yang telah dipersetujui dan se- takat yang perlu untuk memastikan penggunaan perisian mematuhi kontrak atau dibenarkan oleh undang-undang.

11.2 Sekiranya Pembekal tidak mempunyai hak sebagai tuan punya ke atas perisian yang dinyatakan dalam Seksyen 11.1 di atas, Pembekal waran bahawa ia telah mendapat hak daripada tuan punya yang sah untuk memberikan lesen kepada Pelanggan menurut Seksyen 11.1 di atas dan pemberian lesen tersebut tidak melanggar atau menyalahgunakan sebarang hak harta intelek tuan punya yang sah atau mana-mana pihak ketiga.

11.3 Pembekal hendaklah menanggung rugi Pelanggan daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kos, kerugian, kerosakan, perbelanjaan dan liabiliti yang dibawa oleh ma- na-mana pihak ketiga bagi apa-apa pelanggaran, penyalahgunaan atau pencabulan hak harta intelek yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada perisian yang dinyatakan dalam Seksyen 11.1 di atas.

11.4 Sebelum perisian tersebut dihantar atau dipasangkan pada sistem Pelanggan atau pelanggan akhirnya, Pembekal hendaklah menyemak ia untuk virus, Trojan dan perisian perosak komputer lain dengan menggunakan program antivirus yang terkini dan biasa.

12. Jaminan kualiti

12.1 Pembekal mengaku janji untuk waran jaminan kualiti kekal bagi barangannya dengan memasang sistem jaminan kualiti yang mencukupi, contohnya DIN EN ISO 9001 atau yang seumpama dan menjalankan ujian kualiti dan pemeriksaan yang ditetapkan oleh Pelanggan atau yang bersesuaian semasa dan selepas pembuatan barangannya. Pembekal hendaklah mendokumenkan ujian dan pemeriksaan ini.

12.2 Pelanggan mempunyai hak untuk meminta bukti sistem ja- minan kualiti yang dipasangkan oleh Pembekal, untuk memuaskan dirinya bagaimana ujian kualiti dan pemeriksaan dijalankan di tapak, termasuk, jika berkenaan di premis sub-kontraktor dan untuk men- jalankan audit di tapak Pembekal.

12.3 Tanpa diminta untuk berbuat demikian, Pembekal hen- daklah dengan segera memaklumkan Pelanggan perubahan dalam komposisi bahan yang telah diproseskan atau reka bentuk penghant-

taran atau perkhidmatannya. Perubahan tersebut memerlukan persetujuan bertulis Pelanggan. Begitu juga jika Pembekal berniat untuk sub-kontrak penghantaran atau perkhidmatannya secara keseluruhan atau sebahagian besar.

12.4 Jika Pembekal berniat untuk sub-kontrak keseluruhan atau sebahagian besar penghantaran dan/atau perkhidmatan, Pembekal hendaklah memberikan notis kepada Pelanggan terdahulu dan mendapatkan kebenaran bertulis Pelanggan.

12.5 Polisi jaminan kualiti Pelanggan yang didedahkan kepada Pembekal dan perjanjian jaminan kualiti dengan Pembekal hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada Syarat-syarat Pembelian ini.

13. Syarat-syarat untuk pemasaran produk-produk; liabiliti produk

13.1 Jika ia membekalkan produk di dalam skop pemakaian European Directive untuk pemasaran dalam pasaran untuk kali pertama, seperti EU Machinery Directive, Pressure Equipment Directive, EMC Directive, dan lain-lain, Pembekal berjanji bahawa ia akan mematuhi kehendakan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dan proses-proses yang terkandung dalamnya. Jika berkenaan, Pembekal hendaklah mengeluarkan satu pengisytiharan pematuhan EC bagi produk-produknya dan hendaklah mengecapkan satu tanda CE.

13.2 Jika Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas kerosakan di luar barangan yang dibekalkan dan tuntutan ditegaskan terhadap Pelanggan menurut undang-undang liabiliti produk, Pembekal akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi Pelanggan terhadap tuntutan bagi ganti rugi oleh pihak ketiga di atas permintaan Pelanggan jika kausa kerosakan adalah dalam bidang tanggungjawab Pembekal dan Pembekal adalah bertanggungjawab kepada pihak-pihak ketiga.

13.3 Sebagai sebahagian daripada liabiliti di bawah Seksyen 13.2, Pembekal juga berobligasi untuk membayar ganti apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan daripada atau berkaitan dengan satu amaran yang dikeluarkan atau penarikan balik dijalankan oleh Pelanggan. Setakat mana mungkin dan munasabah, Pelanggan hendaklah memaklumkan Pembekal kandungan dan skop tindakan yang akan dilaksanakan dan menyelaraskan mereka dengan Pembekal. Hak-hak dan remedi lain Pelanggan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang terpakai adalah tidak terjejas.

13.4 Pembekal, jika difikirkannya patut, hendaklah mengekalkan insurans liabiliti produk untuk melindungi risiko daripada Seksyen-seksyen 13.2 dan 13.3, dengan perlindungan sekurang-kurangnya €1,000,000.00 setiap perkara kerosakan.

14. Keselamatan; perlindungan alam sekitar

14.1 Pembekal hendaklah memastikan bahawa penghantaran dan perkhidmatannya memenuhi perlindungan alam sekitar, pencegahan kemalangan dan keselamatan kerja atau peraturan sekuriti atau keselamatan yang selanjutnya dan berkuat kuasa di premis Pelanggan atau Tempat Perlaksanaan, untuk mengelakkan atau mengurangkan kesan berbahaya kepada manusia dan alam sekitar. Untuk tujuan ini, Pembekal hendaklah memasang dan meningkatkan sistem pengurusan, contohnya DIN EN ISO 14001 atau yang serupa. Pelanggan hendaklah mempunyai hak, jika berkenaan, untuk

meminta bukti sistem pengurusan yang dipasang oleh Pembekal dan menjalankan audit di tapak Pembekal.

14.2 Pembekal hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan pengendalian dan pemasaran barang-barang berbahaya termasuk antara lain Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengenai pendaftaran, sekatan, kebenaran ke atas bahan-bahan yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar dan bahan buangan. Pembekal juga harus mematuhi peruntukan-peruntukan berkenaan dengan pelupusan bahan buangan dan bahan kitar semula dan menunjukkan kepada Pelanggan sebarang kehendakan-kehendakan berkenaan dengan pengendalian produk, penyimpanan produk dan pelupusan produk.

15. Model-model dan alat-alat; kerahsian

15.1 Sebarang model-model dan alat-alat yang dihasilkan oleh Pembekal atas perbelanjaan Pelanggan hendaklah menjadi harta Pelanggan apabila barangan itu dibayar. Mereka hendaklah dijaga dengan baik oleh Pembekal, dipaparkan sebagai harta Pelanggan dan - jika boleh - disimpan berasingan daripada produk Pembekal yang lain, serta diinsuranskan atas perbelanjaan Pembekal terhadap bencana seperti kebakaran, air, kecurian, kerugian dan kerosakan lain. Penjualan semula bahagian-bahagian yang dihasilkan dengan menggunakan model-model dan alat-alat tersebut adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan bertulis yang nyata Pelanggan.

15.2 Dokumen-dokumen, lukisan-lukisan, pelan-pelan dan lakaran-lakaran dan pengetahuan Pelanggan yang lain di mana Pelanggan memberi amanah kepada Pembekal untuk menghasilkan penghantaran dan/atau perkhidmatan yang dipesan, dalam apa jua bentuk (bertulis, faks, e-mel atau pembawa data elektronik) kekal menjadi hak milik Pelanggan. Mereka merupakan rahsia perdagangan Pelanggan dan hendaklah dilayan secara rahsia. Pembekal mengaku janji untuk melayani mereka dengan baik, hanya membekalkan mereka kepada pekerja yang memerlukannya untuk memenuhi kontrak dan sebagai balasan, pekerja tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan, tidak membekalkan kepada pihak ketiga, membuat salinan hanya bagi tujuan melaksanakan pesanan itu, dan memulangkan semua dokumen-dokumen, termasuk salinan-salinan mereka, kepada Pelanggan dan memusnahkan semua salinan-salinan elektronik dan dokumen yang berkaitan dengannya yang disimpan dalam apa jua cara dan di mana sahaja selepas penghantaran telah dilengkapkan.

16. Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("PDPA")

16.1 Dalam masa masih berterusnya Syarat-syarat Pembelian ini, Pelanggan boleh meminta Pembekal untuk membekalkan data peribadinya dan data peribadi pekerja-pekerja/ejen-ejen/pengarah-pengarah/pemegang-pemegang syer/wakil-wakil/orang yang diberi kuasa bagi pelaksanaan kontrak, pentadbiran dan tujuan perniagaan sah yang lain.

16.2 Data peribadi Pembekal dan pekerja-perkerja/ejen-ejen/pengarah-pengarah/pemegang-pemegang syer/wakil-wakil/orang yang diberi kuasa boleh didedahkan dan dikongsi dengan syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pelanggan di dalam dan di luar Malaysia bagi tujuan yang tersebut di atas.

16.3 Pembekal waran bahawa ia telah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan persetujuan telah diperolehi daripada pekerja-pekerja/ejen-ejen/pengarah-pengarah/pemegang-pemegang syer/wakil-wakil/orang yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka oleh Pelanggan bagi tujuan yang tersebut di atas.

17. Kawalan eksport

17.1 Jika diminta berbuat demikian oleh Pelanggan, Pembekal hendaklah mengemukakan suatu pengisytiharan pembekal untuk memenuhi kehendak EC Directive 1207/2001. Pembekal hendaklah membekalkan kepada Pelanggan pengisytiharan itu dalam tempoh masa yang baik, selewat-lewatnya pada masa satu pesanan diterima. Jika pengisytiharan pembekal jangka panjang dipakai, Pembekal hendaklah memberitahu Pelanggan mengenai apa-apa perubahan dalam status berasal semasa pesanan diterima. Negara asal yang sebenar hendaklah dinyatakan dalam dokumen-dokumen perkapalan dalam semua kes, walaupun tiada status keutamaan terpakai.

17.2 Pembekal hendaklah memaklumkan Pelanggan tentang apa-apa kelulusan yang diperlukan untuk pengeksportan semula barangan oleh Jerman, Eropah, Amerika Syarikat atau peraturan-peraturan eksport atau kastam lain yang berkenaan. Untuk tujuan ini Pembekal akan, sejauh mana maklumat ini tidak dibekalkan dalam tawarannya, membekalkan maklumat berikut di sebelah rujukan perkara yang berkaitan atas permintaan Pelanggan apabila satu pesanan diterima dan dibuatkan di atas setiap nota penghantaran:

- Kod komoditi (Kod HS)
- Nombor AL (Nombor senarai eksport) mengikut Lampiran-lampiran I dan IV EC Dual-Use Regulation No. 428/2009 dalam versi sah atau Bahagian I senarai eksport (Lampiran "AL" Peraturan Perdagangan Luar Negeri dan Pembayaran Jerman (AWV)).
- ECCN (Nombor Klasifikasi Kawalan Eksport) mengikut undang-undang eksport US.

17.3 Atas permintaan Pelanggan, Pembekal berobligasi untuk memaklumkan Pelanggan secara bertulis bagi semua data perdagangan luar negeri yang berkaitan dengan barangan dan komponennya, serta memaklumkan Pelanggan dengan serta-merta secara bertulis mengenai semua perubahan kepada data yang dinyatakan dalam Seksyen 17.2.

17.4 Jika maklumat mengikut Seksyen-seksyen sebelumnya tidak dibekalkan atau dibekalkan dengan tidak betul, Pelanggan hendaklah, tanpa menjejaskan hak yang selanjutnya adalah berhak untuk membatalkan kontrak dan Pembekal tidak berhak untuk menuntut apa-apa ganti rugi atau pampasan.

18. Insolvensi Pembekal

Jika Pembekal menggantung pembayaran atau jika Pembekal atau salah satu daripada pemiutangnya memfailkan prosiding-prosiding insolvensi ke atas asset-aset Pembekal atau prosiding yang seumpamanya untuk penjelasan hutang, Pelanggan boleh, tanpa menjejaskan hak berkanun dan kontraknya yang lain, mengikut budi bicaranya menamatkan kontrak dan/atau membuat satu kontrak dengan subkontraktor Pembekal.

19. Tanggungjawab keusahawanan; Kod Etika

Pembekal mengisytiharkan komitmennya dalam skop tanggungjawab keusahawanan untuk memastikan bahawa ia mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang, termasuk undang-undang perlindungan alam sekitar, peraturan-peraturan yang berkaitan dengan undang-undang buruh dan undang-undang mengenai keselamatan pekerja-pekerja, dan tidak bertolak ansur dengan buruh kanak-kanak atau buruh paksa di dalam atau berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan atau pembekalan perkhidmatan. Setelah menerima pesanan, Pembekal juga mengesahkan bahawa ia tidak melakukan atau bertolak ansur dengan sebarang bentuk sogokan dan rasuah. Pelanggan berkenaan dengan ini merujuk kepada "VOITH Code of Conduct", yang boleh diperiksa di bawah <http://voith.com/en/group/compliance-187.html>. Pelanggan mengharapkan Pembekal mengakui kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya dan menyokong pematuhannya.

20. Peruntukan am

20.1 Penyerahakan Syarat-syarat Pembelian ini tanpa kelulusan bertulis yang nyata Pelanggan akan menjadi satu pelanggaran Syarat-syarat Pembelian ini.

20.2 Kontrak ini hendaklah tertakluk kepada undang-undang Malaysia tanpa memberi kesan kepada prinsip-prinsip konflik undang-undang dan mengecualikan U.N Konvensyen mengenai Kontrak (CISG).

20.3 Tanpa mengira tempat di mana Pembekal menghantar konsainmen, mahkamah undang-undang yang mempunyai kompeten di tempat perniagaan Pelanggan hendaklah mempunyai bidang kuasa dan tempat bagi kedua-dua pihak bagi tujuan menghakimi pertikaian atau tuntutan di bawah Syarat-syarat Pembelian. Pelanggan juga boleh mengambil tindakan undang-undang di tempat perniagaan Pembekal.

20.4 Jika peruntukan individu di bawah Syarat-syarat Pembelian ini adalah atau menjadi tidak sah sepenuhnya atau sebahagiannya, ia tidak akan menjejaskan peruntukan-peruntukan lain.

20.5 Pembekal hendaklah menanggung duti setem (termasuk apa-apa penalti) yang dikenakan ke atas Syarat-syarat Pembelian ini.

20.6 Kecuali berulang di sini, Pelanggan dan Pembekal ber-setuju secara nyata bahawa peruntukan-peruntukan Akta Jualan Barangan 1957 setakat mana hak Pembekal sebagai penjual dan kewajiban dan liabiliti Pelanggan sebagai pembeli berkenaan adalah tidak terpakai bagi semua pihak yang terlibat.

20.7 Syarat-syarat pembelian ini telah disediakan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya Syarat-syarat pembelian ini telah diterjemahkan kepada bahasa selain daripada Inggeris, versi Inggeris akan diguna pakai setakat mana terdapatnya sebarang konflik atau ketidakselarasan dalam maksud di antara versi Inggeris dan terjemahannya.